

BERITA

PEMENANG ANUGERAH 'HER WORLD' TINGGALKAN TUGAS PEMULIHARAAN MARIN DI THAI

Bergegas pulang S'pura untuk bantu usaha atasi Covid-19

► ERVINA MOHD JAMIL  
ervinamj@sph.com.sg

APABILA beliau menyedari betapa seriusnya pandemik Covid-19 yang menular di Singapura awal tahun ini, Cik Shahidah Suhaimy terus meninggalkan kerja menyelam dan pemuliharaan marin yang dijalankannya di Koh Tao, Thailand, untuk pulang ke Singapura.

Ini kerana beliau – yang sebelum ini pernah bertugas sebagai jururawat – ingin menyumbang kepada usaha negara ini memerangi Covid-19 di barisan depan.

“Saya sedar akan betapa seriusnya pandemik ini di peringkat awal, sekitar tempoh Singapura melaporkan beberapa pesakit pertama Covid-19 di sini.

“Saya tahu Singapura akan memerlukan lebih ramai jururawat. Saya boleh kekal di Koh Tao yang bebas daripada koronavirus itu hingga sekarang tetapi saya mahu kembali ke sini untuk bantu.

“Secara kebetulan juga, dua hari selepas saya menaiki penerbangan dari Koh Samui dekat Koh Tao, penerbangan keluar masuk dari sana dihentikan dan Thailand pula menutup sempadannya,” ujar Cik Shahidah, 30 tahun.

Sekembali ke Singapura, beliau berkhidmat di kemudahan penjagaan masyarakat (CCF) di Singapore Expo selama lebih empat bulan selepas selesai menjalani 14 hari Notis Jangkitan Keluar Rumah (SHN) di rumah.

Beliau merupakan antara lapan wanita yang diiktiraf dengan anugerah berprestij *Her World Women Of The Year* tahun ini.

Ini merupakan kali pertama majalah *Her World* menyampaikan anugerah tersebut – yang menggabungkan anugerah *Woman of the Year* dan *Young Woman Achiever*.

Buat kali pertama dalam 29 tahun, *Her World* memutuskan untuk mengiktiraf bukan satu atau dua individu sahaja tetapi sekumpulan lapan wanita sempena tahun yang luar biasa ini di tengah-tengah pandemik Covid-19.

Mereka memainkan peranan penting dalam usaha Singapura memerangi Covid-19 menerusi inisiatif, pencapaian dan sumbangan mereka.

Mereka juga diraikan sebagai suri teladan dari segi kekuatan, kepimpinan dan inspirasi.

Cik Shahidah kini berkhidmat sebagai jururawat sepenuh masa di jabatan ke-



Saya sedar akan betapa seriusnya pandemik ini di peringkat awal, sekitar tempoh Singapura melaporkan beberapa pesakit pertama Covid-19 di sini. Saya tahu Singapura akan memerlukan lebih ramai jururawat. Saya boleh kekal di Koh Tao yang bebas daripada koronavirus itu hingga sekarang tetapi saya mahu kembali ke sini untuk bantu. Secara kebetulan juga, dua hari selepas saya menaiki penerbangan dari Koh Samui dekat Koh Tao, penerbangan keluar masuk dari sana dihentikan dan Thailand pula menutup sempadannya.

– Cik Shahidah Suhaimy (atas), salah seorang daripada lapan penerima anugerah berprestij 'Her World Women Of The Year' tahun ini.



KEMBALI BERBAKTI: Cik Shahidah sedang melakukan kerja menyelam dan pemuliharaan marin di Thailand namun memutuskan pulang ke Singapura awal tahun ini untuk kembali berkhidmat sebagai seorang jururawat. – Foto ihsan SHAHIDAH SUHAIMY



TURUT DIKTIKRAF: Profesor Leo Yee Sin, Pengarah Eksekutif NCIID (kiri), dan Kolonel (Dr) Shalini Arulanandam, Ketua Pegawai Perubatan SCDP (kanan). – Foto-Foto HER WORLD



masan Hospital Tan Tock Seng (TTSH) sejak 31 Ogos lalu.

Ketua SPH Magazines, Encik Eugene Wee, berkata *Her World* sentiasa berusaha memperkasa wanita moden supaya mereka boleh menjadi sumber inspirasi bagi masyarakat dan merintis jalan bagi kaum Hawa lain.

“Sedang Singapura berusaha mengatasi pandemik ini, kami berharap penerima *Women of the Year 2020* yang istimewa ini akan terus memimpin dan mempengaruhi ramai lagi untuk membentuk l-

an mereka sendiri dan menyumbang kepada masyarakat,” katanya.

Bagi Cik Shahidah, beliau amat bersyukur dan rasa rendah hati dipilih menerima anugerah itu bersama tujuh wanita lain tahun ini.

“Terdapat ramai individu seperti saya yang kembali berkhidmat sebagai jururawat... untuk membantu warga Singapura.

“Pengkiktirafan ini juga menunjukkan bahawa langkah saya pulang ke Singapura untuk membantu adalah satu keputusan yang tepat,” ujarnya.

PENERIMA ANUGERAH 'HER WORLD WOMEN OF THE YEAR 2020'

Profesor Madya Ong Biauwh Chi  
58 tahun, Pengarah, Lembaga Perubatan Hospital Besar Sengkang

Profesor Leo Yee Sin  
60 tahun, Pengarah Eksekutif, Pusat Nasional Bagi Penyakit Berjangkit (NCID)

Kolonel (Dr) Shalini Arulanandam  
41 tahun, Ketua Pegawai Perubatan, Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF)

Dr Sidney Yee  
53 tahun, Ketua Pegawai Eksekutif, Hab Pembangunan Diagnostik A\*Star

Dr Hoi Shu Yin  
41 tahun, Ketua Jururawat, Hospital Tan Tock Seng

Katherine Leong  
49 tahun, Penolong Pengarah, Pentadbiran Kejururawatan

Dr Sudesna Roy Chowdhury  
24 tahun, Doktor Siswazah, Hospital Besar Changi

Shahidah Suhaimy  
30 tahun, Jururawat Am, Jabatan Kecemasan, Hospital Tan Tock Seng

Berfikiran terbuka, rela sesuaikan diri bagi dunia pasca-Covid-19

Saya bekerja dalam sektor keselamatan bersama syarikat yang sama selama lebih 10 tahun. Baru-baru ini, saya didiagnosis dengan keadaan kesihatan yang menyukarkan saya berdiri buat tempoh yang lama. Saya terpaksa meninggalkan syarikat dan sejak itu sukar mendapat pekerjaan. Bolehkah anda membantu saya?

Anda boleh mengambil langkah pertama dengan memikirkan apakah pekerjaan lain atau industri yang anda minati dan cuba memadankannya dengan kemahiran, keupayaan dan keberibadian yang anda miliki. Ini membantu anda memastikan anda dapat melakukan peranan tersebut.

Buat sedikit penyelidikan seperti berbual dengan rakan-rakan atau mereka yang sudah pun bekerja dalam sektor itu untuk memahami pekerjaan, sekitaran dan prospeknya. Sebagai alternatif, anda juga boleh mendekati pusat Careers Connect. Kami boleh membimbing anda mengenai langkah-langkah yang diperlukan untuk memperolehi kemahiran bagi mendapatkan anda peluang temu duga dengan bakal majikan.

Anda juga boleh mempertimbangkan untuk memohon bagi Program Laluan Pertengahan Kerjaya SGUnited (SGUP). Program ini menyediakan warga Singapura dengan peluang kerja sambil belajar sehingga 9 bulan dengan syarikat hos sambil menerima elaun latihan.

Terdapat juga Program Penukaran Profesional (PCP) yang merupakan program berstruktur merangkumi latihan bilik darjah yang dibimbing dan latihan di tempat kerja bagi melengkapi peserta dengan kemahiran yang diperlukan untuk memulakan pekerjaan baru secepat mungkin. Kini, terdapat sekitar 100 PCP meliputi lebih 30 sektor. Lungsuri laman [www.wsg.gov.sg](http://www.wsg.gov.sg) untuk maklumat lanjut.

Jika saya memilih Program Laluan Pertengahan Kerjaya SGUnited atau Program Penukaran Profesional (PCP), adakah saya akan ditawarkan pekerjaan sepenuh masa dengan syarikat setelah saya selesai menjalani latihan.

Di bawah Program Laluan Pertengahan Kerjaya SGUnited, jika sesuai, syarikat yang menyediakan peluang bekerja sambil berlatih itu boleh menawarkan kerja sepenuh masa kepada peserta.

Bagi Program Penukaran Profesional (PCP), terdapat dua bentuk penyertaan. Di bawah Program Penukaran Kerja dan Latihan, pekerja PMET diambil bekerja oleh majikan yang menyertai program tersebut dan diletakkan di



SEDIA REBUT PELUANG: Masa depan pasca-Covid-19 tidaklah semalap yang disangka sekiranya pekerja berfikiran terbuka dan bersedia membuat penyesuaian. – Foto ISTOCK

dalam program untuk menjalani latihan bagi peranan kerja baru.

Satu lagi ialah Program Bekerja Sambil Berlatih yang membolehkan pekerja menjalani latihan sambil bekerja menerusi majikan yang menyertai program itu. Majikan yang menjadi hos itu boleh menawarkan pekerjaan sepenuh masa kepada individu yang cemerlang apabila mereka selesai menjalani program tersebut.

Kita sentiasa mendengar bahawa pasaran pekerjaan akan berubah pasca-COVID-19. Apakah maksud ini sebenarnya? Boleh anda berikan saya contoh-contoh?

COVID-19 telah meninggalkan kesan mendalam kepada ekonomi Singapura dan menyebabkan perubahan pesat kepada cara kita bekerja dan bagaimana sesetengah perniagaan beroperasi. Implikasi keadaan ini kepada kita semua ialah kita mesti bersikap fleksibel dan bersedia menyesuaikan diri.

Ada antara kita yang mungkin kehilangan pekerjaan semasa tempoh ini atau mendapati keadaan sudah banyak berubah. Kita juga mungkin mula sedar bahawa kini wujud peranan baru, cara baru melakukan pekerjaan atau teknologi baru yang kita kurang kenali.

Ini bermakna, kita harus bersikap fleksibel dan bersedia menyesuaikan diri dalam pencarian kerja. Kita harus berfikiran terbuka dan men-

cuba peluang baru. Sebagai contoh, meskipun sektor seperti Pelancongan dan Hospitaliti terjejas, terdapat banyak peluang dalam sektor seperti Infokom dan Teknologi, perkhidmatan Perubatan dan sektor Sekitaran Binaan.

Ini mungkin merupakan sektor yang kurang dikenali sesetengah orang dan anda mungkin memilih untuk menunggu peluang kerja yang lain. Dalam keadaan ini, anda perlu meneliti komitmen kewangan anda; dan mengadakan perbincangan terbuka dengan diri anda sendiri dan/atau pasangan anda, untuk menilai jika anda mampu menunggu bagi peluang yang ideal. Namun, ia juga tidak bermakna anda harus menyertai apa juga sektor tanpa persediaan atau memohon bagi peranan tanpa berfikir panjang.

Anda juga harus mengemaskini diri dengan teknologi. Dalam keadaan kerja yang mengamalkan syif berasingan dan bekerja dari-rumah, majikan kini melakukan temu duga menerusi video. Pastikan anda selesa dengan temu duga maya dan wadah yang sering digunakan seperti Zoom, Google Meet, Microsoft Teams dan sebagainya. Ini juga bermakna anda harus tahu anda memerlukan tempat yang senyap dan selesa untuk temu duga tersebut, memastikan peralatan anda berfungsi dan bagaimana menyampaikan diri anda menerusi kamera memandangkan anda tidak dapat bertemu dengan mereka yang melakukan temu duga secara fizikal.

Dunia pasca-COVID tidaklah semalap yang disangka, selagi anda tahu bagaimana untuk menyesuaikan diri dan memanfaatkan peluang sebaik mungkin.

Saya mempunyai pengalaman lebih sedekad dalam industri media, dan terkini kerja saya melibatkan media sosial. Saya mahukan perubahan dan telah memohon kepada beberapa syarikat dan agensi pemerintah, namun permohonan saya ditolak. Bagaimanakah saya boleh mendapatkan bantuan mengenai pasti apakah masalah dan isu yang menjadi halangan bagi saya mendapat pekerjaan-pekerjaan tersebut?

Jangan patah semangat. Proses pencarian kerja bagi sesetengah pekerja mungkin tidak semudah yang lain memandangkan kita semua menghadapi cabaran kerjaya yang berbeza. Ayuh buat janji temu di pusat Careers Connect WSG di [go.gov.sg/wsg-careersconnect2020](http://go.gov.sg/wsg-careersconnect2020) atau hubungi talian 6883-5885 untuk berbincang dengan Duta Kerjaya yang dapat memberi penilaian mengenai langkah yang telah anda lakukan dan apakah langkah seterusnya bagi anda.

Adakah Program Penukaran Profesional (PCP) dibuka kepada seseorang yang beru-

sia 62 tahun? Saya bimbang saya akan membuang masa kerana usia saya sering menjadi penghalang dalam usaha saya mencari kerja.

Ya, malah ada mereka yang berusia 60-an tahun telah berjaya melakukan pertukaran. Sebagai contoh, Workforce Singapore telah membantu seorang pekerja berusia 60 tahun membuat pertukaran dari sektor perkapalan ke sektor logistik dan pengangkutan.

PCP dibuka kepada semua warga Singapura tanpa mengira usia, namun kelayakan bergantung kepada beberapa faktor seperti kesesuaian peranan, keperluan pekerjaan dan sebagainya. Pemerintah bekerjasama dengan majikan yang mempunyai amalan pengambilan pekerja progresif untuk menyediakan peluang pekerjaan bagi mereka yang berusia 40-an tahun, 50-an tahun dan lebih, bergantung kepada peranan pekerjaan. Anda juga boleh mencari majikan sedemikian di portal [MyCareersFuture](http://MyCareersFuture).

Menyertai semula pasaran pekerjaan dan mencari kerja adalah sesuatu yang tertekan bagi sesetengah orang, tidak kira usia. Bagaimanapun, langkah pertama ialah untuk memiliki minda yang positif dan sanggup mencuba.

Buat janji temu di pusat Careers Connect dan para pegawai kami akan membimbing anda dalam usaha mencari kerja, selangkah demi selangkah.

SIRI CARI KERJA MASA PANDEMIK

Segala soalan anda mengenai bagaimana Covid-19 merubah landskap pekerjaan dan perniagaan, serta keraguan anda mengenai peluang latihan dijawab oleh pakar.

NUR ZAMIR MD YATIM  
Jurulatih Kerjaya WSG



Kirinkan soalan anda menerusi  
[BNNEWS@SPH.COM.SG](mailto:BNNEWS@SPH.COM.SG) 8102 2745



Dibawakan oleh  
wsg  
Workforce Singapore